



NEGERI PAHANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 64
No. 25

8hb Disember 2011

*TAMBAHAN
No. 1*

AKTA EKSAIS 1976
(Akta 176)

No. 1979.

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (LEMBAGA PELESENAN) 1977
(P.U. (A) 155/1977)

MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN EKSAIS DAERAH RAUB

Notis adalah diberitahu bahawa Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Raub bagi minuman yang memabukkan akan diadakan pada 21 Disember 2011 jam 9.00 pagi di Bilik Gerakan, Pejabat Daerah dan Tanah Raub.

2. Semua permohonan untuk lesen, pembaharuan lesen atau pindah milik lesen bagi setengah tahun pertama 2012 hendaklah dibuat dalam borang yang telah ditetapkan (dalam 4 salinan) dan dihantar kepada Pengerusi Lembaga Pelesenan Eksais Raub, d/a Pejabat Daerah dan Tanah Raub dan mesti sampai 7 Disember 2011.

3. Permohonan untuk lesen baru hendaklah diiklankan atas perbelanjaan pemohon itu sendiri iaitu:

- (a) dengan mempamerkan satu salinan permohonan itu di bangunan/tempat di mana perniagaan itu akan dijalankan dalam tempoh sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum mesyuarat itu diadakan; dan
- (b) dengan mengiklankan permohonan itu di dalam dua jenis akhbar (Bahasa Malaysia dan Inggeris/Cina) dalam tempoh yang tersebut di dalam perenggan (a) di atas dan keratan iklan itu hendaklah dihantar ke Pejabat Daerah dan Tanah Raub.

Bertarikh 14 November 2011
[PDR. 13/18/0025 Jld. 24]

DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHD ALI
Pengerusi
Lembaga Pelesenan Eksais Daerah
Raub

No. 1980.

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (LEMBAGA PELESENAN) 1977
(P.U. (A) 155/1977)

MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN EKSAIS DAERAH BENTONG

Notis adalah diberitahu bahawa Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Bentong bagi minuman yang memabukkan akan diadakan di Bilik Gerakan, Pejabat Daerah dan Tanah Bentong pada 14 Disember 2011 (Rabu) jam 9.30 pagi.

2. Semua permohonan untuk lesen, pembaharuan lesen atau pindah milik lesen bagi tahun 2012 akan dipertimbangkan. Tiap-tiap permohonan mestilah dihantar dengan enam (6) salinan kepada Pengerusi Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Bentong di alamat Pejabat Daerah dan Tanah Bentong sekurang-kurangnya enam (6) minggu sebelum mesyuarat diadakan.

3. Permohonan untuk lesen baru, lesen sementara dan permohonan bagi premis yang baru hendaklah diiklankan atas perbelanjaan pemohon sendiri iaitu:

- (a) dengan mempamerkan satu salinan permohonan itu di bangunan/tempat di mana perniagaan itu akan dijalankan dalam tempoh sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum mesyuarat itu diadakan; dan
- (b) dengan mengiklankan permohonan itu di dalam dua jenis akhbar (Bahasa Malaysia dan Inggeris/Cina) dalam tempoh yang tersebut di dalam perenggan (a) di atas dan keratan iklan itu hendaklah dihantar ke Pejabat Daerah dan Tanah Bentong.

Bertarikh 24 November 2011

MOHD FAIZAL BIN JAAFAR
Naib Pengerusi
Lembaga Pelesenan Eksais Daerah
Bentong

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976
(Akta 172)

TOWN AND COUNTRY PLANNING ACT 1976
(Act 172)

No. 1981.

PEMBERITAHUAN PERSETUJUAN PIHAK BERKUASA NEGERI KEPADA
DRAF RANCANGAN TEMPATAN DAERAH TEMERLOH

NOTIFICATION OF STATE AUTHORITY'S ASSENT TO THE
DRAFT OF TEMERLOH DISTRICT LOCAL PLAN

Menurut subseksyen 15(4), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172], adalah diberitahu bahawa Pihak Berkuasa Negeri Pahang telah memberi persetujuan pada 3 Mac 2010 kepada:

Rancangan Tempatan Daerah Temerloh.

2. Draf Rancangan Tempatan Daerah Temerloh itu sekarang dikenali sebagai Rancangan Tempatan Daerah Temerloh dan boleh diperiksa di Majlis Perbandaran Temerloh dalam waktu pejabat.

3. Dan bahawasanya, Rancangan Tempatan Daerah Temerloh akan menggantikan Rancangan Tempatan Temerloh dari tarikh *Warta* ini disiarkan.

Pembatalan

4. Pemberitahuan *Warta* No. 934 bertarikh 16 Ogos 2007 dan No. 1360 bertarikh 16 September 2010 adalah dibatalkan.

[JPBD/Phg./C1/47/10800 Bhg. 2]

DATO' HAJI ZULKIFLI BIN HAJI YAACOB
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Temerloh

Pursuant to subsection 15(4) of the Town and Country Planning Act 1976 [Act 172], it is notified that the State Authority of Pahang has given its assent on 3 March 2010 to the:

Temerloh District Local Plan.

2. The Draft of Temerloh District Local Plan is now identified as the Temerloh District Local Plan and may be inspected at the Temerloh Municipal Council during office hours.

3. And whereas, the Temerloh District Local Plan shall replace Local Plan of Temerloh from the date of this *Gazette* come into publish.

Revocation

4. *Gazette* Notification No. 934 dated 16 August 2007 and No. 1360 date 16 September 2010 is revoked.

[JPBD/Phg./C1/47/10800 Bhg. 2]

DATO' HAJI ZULKIFLI BIN HAJI YAACOB
President
Temerloh Municipal Council

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 tahun 1965)

No. 1982.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk mengadakan hakmilik sambungan/untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran (DHKK) hilang. Surat Akuan Perserahan 567/2011.

JADUAL

Mukim—Kuala Kuantan. No. Lot—2220/196. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(D) 1676. Luas—100.332 meter persegi.

Bertarikh 27 Jun 2011
[PTG.Phg. 08/0048/2011-SH]

*Pendaftar Hakmilik Negeri
Pahang*

No. 1983.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk mengadakan hakmilik sambungan/untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran (DHKK) hilang. Surat Akuan Perserahan 571/2011.

JADUAL

Mukim—Mentakab. No. P.T.—11757. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(D) 14306. Luas—143 meter persegi.

Bertarikh 29 Jun 2011
[PTG.Phg. 08/0049/2011-SH]

*Pendaftar Hakmilik Negeri
Pahang*

No. 1984.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran komputer (DHKK) diakui hilang. Surat Akuan Perserahan 1/2009.

JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Sega. No. Lot—4375. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 890. Luas—504 meter persegi.

Bertarikh 27 Jun 2011
[PT.Rb. 4/3/043/2011]

TENGGU AZUDDIN SHAH BIN T. ALANG
*b.p. Pentadbir Tanah
Raub*

No. 1985.

(Seksyen 187B)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN DOKUMEN
HAKMILIK KELUARAN SEMENTARA YANG BARU

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran bersyarat bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran komputer (DHKK) hilang. Surat Akuan Perserahan 567/2011.

JADUAL

Bandar—Teras. No. Lot—33 Seksyen 2. Perihal dan No. Hakmilik—GRN 5728. Luas—362.31 meter persegi.

Bertarikh 30 Jun 2011
[PTG.Phg. 08/0031/2011-KH]

*Pendaftar Hakmilik Negeri
Pahang*

No. 1986.

(Seksyen 187B)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN DOKUMEN
HAKMILIK KELUARAN SEMENTARA YANG BARU

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran bersyarat bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran komputer (DHKK) hilang. Surat Akuan Perserahan 564/2011.

JADUAL

Bandar—Raub. No. Lot—2779. Perihal dan No. Hakmilik—GRN 8531.
Luas—222.96 meter persegi.

Bertarikh 3 Jun 2011
[PTG.Phg. 08/0030/2011-KH]

*Pendaftar Hakmilik Negeri
Pahang*

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

(Akta 486)

No. 1987.

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Pengambilan Tanah di bawah Seksyen 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi Projek Membina dan Menyiapkan Jalan dari Kampung Tuit, Kuala Tahan ke Kampung Mat Daling, Jerantut, Pahang (Pakej 1—Lot Tertinggal) untuk Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Malaysia.

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa dalam masa waktu-waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

JADUAL

Daerah—Jerantut. Mukim—Ulu Tembeling.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
	P.M.		Hektar	Hektar
5310	360	Abd. Jamin bin Md. Yasin 1/1 bhg.	0.2362	0.0162
5312	361	Hamidah binti Matsi 1/1 bhg.	0.2846	0.0370

Bertarikh 2 November 2011
[JKPTG.Phg./UPT/693/03/2011/01]

DATO' AZIZAN BIN AHMAD
*Pengarah Tanah dan Galian
Pahang*

No. 1988.

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Pengambilan Tanah di bawah Seksyen 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi tujuan Simpanan Jalan Bersebelahan dengan Tapak Kem Batalion 4/505 (AW) Pekan, Pahang untuk Kementerian Pertahanan Malaysia.

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa dalam masa waktu-waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

JADUAL

Daerah—Pekan. Mukim—Pekan.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
	G.M.		Hektar	Hektar
2350	1328	Abdul Mutalib bin Mohd Ketch 2/29 bhg., Jonet bin	1.468	0.123

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
	G.M.		Hektar	Hektar
		Mohd Ketch 2/29 bhg., Kamal bin Mohd Ketch 2/29 bhg., Mohd Azmi bin Mohd Ketch 2/29 bhg., Mohd Azuan bin Mohd Ketch 2/29 bhg., Norkumalasari bin Mohd Ketch 15/29 bhg., Normahani binti Mohd Ketch 2/29 bhg. dan Zulkifli bin Mohd Ketch 2/29 bhg.		
	H.S.(M)			
P.T. 10493	5494	Saudah binti M. Alias 1/1 bhg.	0.4434	0.036
P.T. 10494	5495	Radisah binti Jusoh 1/1 bhg.	0.7759	0.064
	G.M.			
2072	1327	Mahasan bin Sulaiman 160/474 bhg. dan Rape'ah binti Buang 314/474 bhg.	1.199	0.104
2098	1245	Continental Farm Sdn. Bhd. 1/1 bhg.	1.064	0.096
2097	618	Perdagangan Sarang Burung Yung Fong Sdn. Bhd. 1/1 bhg.	2.569	0.058
2970	610	Rohani binti Hussin	1.046	0.106

Bertarikh 2 November 2011
[JKPTG.Phg./UPT/693/06/2010/03]

DATO' AZIZAN BIN AHMAD
*Pengarah Tanah dan Galian
Pahang*

No. 1989.

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN YANG DICADANGKAN

PEMBETULAN

Jadual kepada Pemberitahuan *Warta* No. 1720 yang disiarkan pada 27 Oktober 2011 adalah dipinda seperti berikut:

(i) Butiran satu (1) di ruangan ketiga (3)—

dengan menggantikan perkataan “Irwan Shah bin Abdul Rahman” kepada “Irwan Syah bin Abdul Rahman”.

- (ii) Butiran lima (5) di ruangan ketiga (3)—
dengan menggantikan perkataan “Shamsir Rizal bin Abdul Rahman”
kepada “Shamshir Rizal bin Abdul Rahman”.
- (iii) Butiran enam (6) di ruangan ketiga (3)—
dengan menggantikan perkataan “Ungku Rahman binti Wan Akhbar”
kepada “Ungku Rahmah binti Wan Akhbar”.
dengan menggantikan “840818-06-5663” kepada “500629-06-5022”.

[PTP. 0324-11]

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA